



6 September 2013
6 September 2013
P.U. (A) 283

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN HOTEL (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2013

HOTELS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA HOTEL (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2003

PERATURAN-PERATURAN HOTEL (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2013

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Kesalahan yang boleh dikompaun
3. Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun
4. Cara mengkompaun
5. Pembayaran kompaun
6. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL

AKTA HOTEL (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2003

**PERATURAN-PERATURAN HOTEL (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR)
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2013**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 35(2)(d) Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003 [*Akta 626*], Datuk Bandar, dengan kelulusan Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pengkompaunan Kesalahan) 2013**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 9 September 2013.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. Kesalahan di bawah subseksyen 9(2) dan 12(4) Akta ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual.

(2) Seseorang yang menyetuju terima tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah mengemukakan bayaran bagi kompaun itu dalam Borang 2 Jadual.

(3) Borang 1 dan 2 Jadual hendaklah digunakan bagi tujuan yang ditunjukkan dalam kandungannya tetapi tiada penyimpangan daripada Borang itu boleh menidaksahkan atau menjelaskan kesahan apa-apa kandungan yang dibuat setakat yang penyimpangan itu tidak mempunyai kesan substansial dan tidak dikira mengelirukan.

Cara mengkompaun

4. (1) Setelah suatu penyiasatan dijalankan dan didapati bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, Datuk Bandar boleh, dengan persetujuan Pendakwa Raya, mengeluarkan suatu Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dalam Borang 1 Jadual.

(2) Tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah bagi tempoh empat belas hari, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

(3) Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang telah ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh masa yang dinyatakan dalam subperaturan (2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Pembayaran kompaun

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan dibuat dan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membuat pembayaran bagi kompaun—

- (a) secara tunai dan diserahkan sendiri;
- (b) melalui kiriman wang, kiriman wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” dan boleh diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Peti Surat 11022, Kuala Lumpur; atau
- (c) melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik yang lain.

(2) Suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.

(3) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan bagi maksud subperaturan (2) termasuk apa-apa resit elektronik yang dikeluarkan jika pembayaran dibuat melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik yang lain.

Pembatalan dan peruntukan peralihan

6. (1) Peraturan-Peraturan Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pengkompaunan Kesalahan) 2005 [P.U. (A) 279/2005] dibatalkan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), mana-mana notis yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah terus sah seolah-olah ia dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.